

BERITA HARIAN

DATE: 29/6/2010

# Tindakan afirmatif MBE lebih telus

BH - 29/06/2010

## Pendekatan baru model ekonomi wujudkan masyarakat adil, saksama: Najib

SINGAPURA: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata beliau tidak berjanji untuk mengetepikan tindakan afirmatif berhubung langkah membantu orang Melayu dan Bumiputera apabila beliau memperkenalkan Model Baru Ekonomi (MBE) untuk Malaysia.

"Saya tidak berjanji mengeneplikannya. Saya menjanjikan satu pendekatan baru," katanya dalam temu bual eksklusif dengan *Channel News Asia* (CNA) yang berpangkalan di Singapura dan disiarkan di sini, malam tadi.

Najib berkata, idea keseluruhan MBE adalah untuk mewujudkan sebuah masyarakat adil dan saksama dan model ekonomi ini secara praktikal sudah diterima oleh semua rakyat Malaysia.

"Soalnya sekarang ialah bagaimana hendak membawa rakyat Malaysia ke matlamat itu dan bagaimana mereka hendak mencapainya," katanya kepada Ketua Biro CNA Malaysia, Melissa Goh yang mengendalikan temu bual itu di Kuala Lumpur.

Perdana Menteri berkata: "Kami mahu sampai ke sana tetapi perlu menerusi laluan lain".

Oleh itu, kata Najib tindakan afirmatif di bawah MBE akan lebih berasaskan kepada mesra pasaran, lebih berasaskan merit, lebih telus dan berdasarkan keperluan.

Beliau berkata, terdapat kekayaan yang mencukupi, ruang dan kebebasan yang luas di negaranya bagi rakyat Malaysia menikmati manfaat dasar kerajaan.

Ditanya bila kerajaan berkemungkinan berhenti mem-

beri subsidi, Najib berkata kerajaan perlu memperhalusi terlebih dulu sebelum ia dapat memansuhkannya secara beransur.

"Saya gunakan perkataan 'beransur' kerana kita memerlukan penerimaan rakyat kerana subsidi adalah isu cukup sensitif," katanya sambil menambah kerajaan perlu meyakinkan masyarakat Malaysia bahawa ini adalah baik untuk mereka pada jangka panjang.

"Cuma masalahnya ialah



*Saya tidak berjanji mengeneplikannya. Saya menjanjikan satu pendekatan baru"*

**Najib Razak**  
Perdana Menteri

mereka terlalu melihat kepada faedah jangka pendek, mereka tidak melihat kepada faedah jangka panjang," katanya.

Perdana Menteri berkata, isu subsidi banyak bergantung pada penerimaan rakyat, dan juga kerajaan perlu mengadakan sesuatu jaringan keselamatan sosial bagi mereka yang miskin atau kumpulan yang lemah.

"Jadi kami sedang merancangkannya, tetapi saya tidak berjanji menghapuskan subsidi serta-merta," katanya.

Mengenai hubungan bilateral yang begitu mesra dengan Singapura baru-baru ini dan penyelesaian isu tanah Keretapi Tanah Melayu (KTM) yang sudah lama berlarutan di sini, Najib berkata penyelesaian tanah KTM satu kejayaan besar oleh kerana ia pernah dika-

takan sesetengah orang sebagai 'duri dalam hubungan kita, yang terbiar tanpa penyelesaian selama hampir 20 tahun'.

"Saya memutuskan kita perlu menumpukan fikiran kepadanya dan menyelesaikan satu isu bilateral besar yang berlarutan kerana ia akan memberikan kita tapak yang kukuh," katanya

Beliau berkata, ini adalah isyarat kepada rakyat Malaysia dan juga Singapura bahawa mereka mahu bergerak ke depan, serta memperkukuh hubungan sedia wujud.

"Kita tidak harus emosional, kita tidak perlu terus menggalas beban, tetapi bergerak ke depan dan dengan rasa yakin, kita dapat mengambil manfaat dari semangat baru ini dari segi hubungan dua hala," katanya. — BERNAMA